



LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

IKLAN:

Ruj.: Bil. (1) I / SPEP / 2022

PELAWAAN PERMOHONAN SKIM PEMBIAYAAN EKONOMI PERTANIAN (SPEP) TAHUN 2022

1.0 MAKLUMAT AM

- 1.1 Program Skim Pembiayaan Ekonomi Pertanian (SPEP) merupakan program bantuan peralatan pertanian yang dianjurkan oleh Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani, KEJORA.
- 1.2 Objektif pelaksanaan Skim Pembiayaan Ekonomi Pertanian (SPEP) adalah sepertimana berikut:
 - i. Membantu pengusaha pertanian yang berdaya maju untuk mengembangkan lagi projek pertanian.
 - ii. Membantu mengurangkan kos peralatan kepada pengusaha pertanian yang berpotensi untuk maju.
 - iii. Meningkatkan pendapatan peserta menerusi projek pertanian yang sedang diusahakan.

2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan adalah terbahagi kepada dua (2) kategori dengan syarat-syarat dan terma-terma sepertimana berikut:

A) INDIVIDU/PERSENDIRIAN

- i. Pemohon mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan keatas dalam bidang pertanian (tanaman, ternakan, perikanan atau industri asas tani);

- ii. Pemohon mestilah berusia diantara **18 tahun keatas**.
- iii. Pemohon telah melaburkan modal sekurang-kurangnya RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) dan keatas bagi projek yang dilaksanakan.
- iv. Pemohon mestilah berstatus **Bumiputera**;
- v. Had pembiayaan keatas projek adalah maksimum sehingga **RM20,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Ribu Sahaja)** tertakluk kepada kelulusan;
- vi. Jenis bantuan yang akan diberikan adalah dalam **bentuk peralatan dan input pertanian** mengikut keperluan sebenar projek;
- vii. Syarat-syarat lain adalah :
 - a. Memiliki tapak projek;
 - b. Lokasi projek di dalam wilayah KEJORA;
 - c. Memiliki akaun persendirian atau akaun projek;
 - d. Memiliki sijil kursus & latihan pertanian;
 - e. Mengemukakan kertas cadangan perniagaan;
 - f. Penduduk wilayah KEJORA.
 - g. Mengemukakan dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, pendaftaran perniagaan, penyata bank dan mendapatkan pengesahan daripada majikan/ penghulu/ Ketua Kampung/ Pegawai A Kumpulan Pengurusan & Profesional Kerajaan

B) KELOMPOK/KOPERASI

- i. Pemohon mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan keatas dalam bidang pertanian (tanaman, ternakan, perikanan atau industri asas tani);
- ii. **Penubuhan koperasi** mestilah berusia **dua (2) tahun ke atas** pada tahun permohonan;
- viii. Pemohon telah melabur modal sekurang-kurangnya RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu Sahaja) dan keatas bagi projek yang dilaksanakan.
- iii. Pemohon mestilah berstatus **Bumiputera**;

- iv. Had pembiayaan keatas projek adalah maksimum sehingga **RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu Sahaja)** tertakluk kepada kelulusan;
- v. Jenis bantuan yang akan diberikan adalah dalam bentuk **peralatan dan input pertanian** mengikut keperluan sebenar projek;
- vi. Syarat-syarat lain adalah :
 - a. Memiliki tapak projek
 - b. Lokasi projek didalam wilayah KEJORA
 - c. Memiliki akaun persendirian atau akaun projek
 - d. Memiliki sijil kursus & latihan pertanian
 - e. Mengemukakan kertas cadangan perniagaan
 - f. Koperasi wilayah KEJORA
 - g. Mengemukakan dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, pendaftaran perniagaan, penyata bank dan mendapatkan pengesahan daripada majikan/ penghulu/ Ketua Kampung/ Pegawai A Kumpulan Pengurusan & Profesional Kerajaan

2.2 Pemohon-pemohon yang berjaya dan terpilih untuk menyertai program ini akan dikenakan syarat-syarat sebagaimana berikut:

- i. Peserta yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani surat Aku Janji KEJORA
- ii. Peserta yang berjaya hendaklah memastikan peralatan dan input-input pertanian yang dibekalkan digunakan dan dijaga dengan baik.
- iii. Peserta yang berjaya dikehendaki untuk mengemukakan laporan prestasi secara berkala pada setiap dua (2) bulan sekali
- iv. Peserta yang tidak melaksanakan projek selama tiga (3) bulan berturut-turut boleh dibatalkan daripada program ini. Pihak KEJORA juga berhak untuk mengambil semula perbekalan peralatan yang masih dalam keadaan baik dan boleh digunakan untuk diberikan kepada peserta lain yang layak.
- v. Peserta hendaklah membenarkan pegawai atau anggota-anggota KEJORA pada bila-bila masa memasuki, memeriksa dan melawat kawasan projek.

- vi. Peserta hendaklah bersedia memberikan penerangan dan maklumat yang dikehendaki oleh pihak KEJORA pada bila-bila masa yang diperlukan.

3.0 PERMOHONAN

3.1 Permohonan adalah perlu dikemukakan melalui Borang Permohonan yang boleh diperolehi secara percuma melalui kaedah berikut:

- i. Memuat turun di laman web KEJORA : www.kejora.gov.my, atau;
- ii. Mengisi borang permohonan secara atas talian melalui google form iaitu:

Individu : <https://forms.gle/8YBBccTqj9xotEty8>

Kelompok : <https://forms.gle/jCQjm5Uh7pfcwnTd8>

atau;

- iii. Mendapatkan borang permohonan di ibu pejabat KEJORA sepertimana alamat berikut:

**LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA,
BANGUNAN IBUPEJABAT KEJORA,
JALAN DATO' HJ. HASSAN YUNUS,
81930 BANDAR PENAWAR,
JOHOR.**

3.2 Permohonan yang lengkap perlulah dikembalikan kepada alamat diatas atau emelkan ke kejora@kejora.gov.my.

3.3 Tarikh tutup permohonan adalah pada **22 MAC 2022 (SELASA)** sebelum jam 5.00 petang. Borang yang diterima selepas daripada tempoh tersebut tidak akan diterima dan diproses.

3.4 Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi **Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani, KEJORA** di talian **07-8843000** atau **07-8843156**.

Sekian, terima kasih.

Pengurus Pertanian dan Industri Asas Tani,
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara,
b.p. Pengurus Besar KEJORA

Tarikh Iklan : 21 FEBRUARI 2022 (ISNIN)